

Mahathir kesal dgn laporan wartawan asing

ALOR SETAR, Jumaat, — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini mengingatkan rakyat Malaysia keturunan Cina supaya jangan mudah melenting apabila "dicocok" dan "digeletek" oleh laporan akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing yang sengaja bertujuan melagakan mereka dengan orang Melayu.

"Wartawan-wartawan

asing memangnya berminat membuat laporan-laporan yang merupakan galakan kepada kaum-kaum tertentu supaya menentang Kerajaan dengan mencetuskan rusuhan dan melakukan berbagai tindakan yang hanya akan membawa keburukan kepada negara kita," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di Jitra, 12 batu dari sini hari ini.

Katanya, beliau membangkitkan perkara itu kerana mungkin terdapat orang-orang China di negara ini yang tertarik laporan-laporan beberapa buah akhbar dan majalah barat (British dan Amerika) kononnya mereka berjuang untuk kepentingan kaum China di Malaysia.

Bellau menegaskan orang-orang China mestilah sedar bahawa orang-orang barat tidak memperjuangkan kepentingan kaum China di negeri ini, tetapi berjuang semata-mata untuk diri mereka sendiri.

Mereka sebenarnya ingin melihat negara ini hancur melalui teguran-teguran dalam laporan mereka dengan harapan orang-orang China di negara ini akan marah kepada Kerajaan dan memberontak serta mengadakan tunjuk perasaan.

"Melalui laporan-laporan yang tidak bertanggungjawab yang semata-mata berniat memburukkan kejayaan kita, mereka menyemai perasaan di kalangan orang-orang China bahawa orang-orang Melayu tidak boleh diharap samasekali dan mereka tidak boleh dipercayai kerana agama Islam tidak secukup dengan agama orang putih," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia